

24/12/1998

MAM anjur seminar

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Aids Malaysia (MAM) dengan sokongan Kementerian Kesihatan akan menganjurkan Kongres Antarabangsa mengenai Aids di Asia dan Pasifik (ICAAP) Kelima pada 23 hingga 27 Oktober tahun depan.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata pihaknya menggalakkan rakyat Malaysia untuk berkongsi kepakaran profesional dan pengalaman masing-masing pada kongres berkenaan.

Menurutnya, kongres yang bertemakan The Next Millennium: Taking Stock and Moving Forward, itu akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Kongres itu ditaja bersama Aids Society of Asia and the Pacific (ASAP), The Asia/Pacific Council of Aids Service Organizations (APCASO), The Asia Pacific Network of People Living With HIV/AIDS (APN+) dan The Joint UN Programme on HIV/AIDS (UNAIDS).

Mereka yang ingin menyertai kongres berkenaan dikenakan yuran RM600, manakala pelajar dikenakan bayaran RM300. Tarikh akhir pendaftaran ialah pada 15 Mei 1999.

Keterangan lanjutnya boleh diperolehi dengan menghubungi Irene Tan melalui talian 03-2848775 atau Yap Shook Fung melalui talian 03-2063599. Maklumat mengenai ICAAP boleh diperolehi melalui laman web ICAAP di alamat www.icaap99.org.my.

(END)